



Headline: RM150,000 lesap angkara 'Inspektor Farah'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 22 October 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 37

RM150,000 lesap angkara 'Inspektor Farah'

KEPALA BATAS - Seorang ibu tunggal berputih mata apabila wang miliknya berjumlah RM150,000 lesap gara-gara diperdaya sindiket Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, mangsa yang berusia 66 tahun itu menerima panggilan daripada seseorang yang mendakwa kerani dari Mahkamah Kuala Terengganu.

Menurutnya, kerani itu mendakwa mangsa pernah terlibat dengan kes pengubahan wang haram dan penyeludupan dadah.

"Bagaimanapun, mangsa menafikannya sebelum panggilan itu terus disambungkan kepada seorang wanita kononnya pegawai polis dari Ibu Pejabat Kontijen Terengganu dikenali sebagai 'Inspektor Farah'.

"Mangsa diminta membayar wang jaminan kerana akaun banknya didakwa terlibat dengan kes jenayah seperti pengubahan wang haram dan wang jaminan itu kononnya bagi membantu



'membersihkan' akaun bank tersebut," katanya.

Noorzainy berkata, mangsa yang panik bertindak mengeluarkan wang simpanan dari akaun simpanan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) sebelum membuka akaun bank baru serta menyerahkan nombor kod TAC perbankan kepada suspek.

"Semakan yang dilakukan mendapati berlaku 10 transaksi pemindahan wang melibatkan jumlah keseluruhan RM150,000," katanya.

Beliau berkata, mangsa menyedari dirinya tertipu selepas mendapati baki wang di dalam akaun banknya hanya tinggal RM77.

**Mangsa
diminta
membayar
wang jaminan
kerana akaun
banknya didakwa
terlibat dengan
kes jenayah."**
- Noorzainy

"Mangsa kemudian tampil membuat laporan di Balai Polis Kepala Batas.

"Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 4 (1) Akta Jenayah Komputer," katanya.

Menurutnya, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya.

"Orang ramai juga dinasihatkan tidak sesekali panik dan mengikut arahan yang diberikan pemanggil, tanpa terlebih dahulu menghubungi polis atau institusi kewangan terbabit," katanya.